

Bola sepak persahabatan eratkan UMSKAL, MAB

UB 7.5.2014 A15

LABUAN : Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah mengadakan perlawanan bola sepak persahabatan dengan Malaysia Airport Berhad (MAB) di Padang Kolej Matrikulasi Labuan (KML), Sabtu lalu.

Dalam perlawanan itu, MAB menang tipis 4-3 hasil jaringan Mohd-Ariffin (dua gol) dan

masing-masing satu gol melalui Rizal Amri dan Mohd Azlan.

Manakala gol-gol UMSKAL dijaringkan Mohd Ali Mohd Salleh (dua gol) dan Mohd Saifiq Amiluddin.

Perlawanan tersebut turut disaksikan Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali dan Pegawai Belia dan Sukan UMSKAL, Gabriel Moinjil.